

# UMS tawar 68 program pengajian prasiswazah sesi 2023/2024

Beri tumpuan serius kepada peningkatan program berdaya saing

UB 20.05.2024 P.08

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menawarkan sebanyak 68 program pengajian prasiswazah pada sesi akademik 2023/2024 kali ini.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, turut ditawarkan satu program diploma serta tiga program asasi termasuk dua program baharu iaitu Usuluddin dan Syariah di bawah Fakulti Pengajian Islam.

Katanya, UMS berjaya menduduki tempat kelapan daripada 20 Universiti Awam (UA) dalam pilihan permohonan pelajar menyambung pengajian di peringkat prasiswazah.

"UMS terus memberikan tumpuan serius kepada peningkatan program-program yang berdaya saing, kecermerlangan akademik dan keupayaan penyelidikan.

"Semua ini adalah inisiatif pihak universiti dalam memberikan pelajar yang layak dan terpilih lebih pengalaman pembelajaran yang holistik serta relevan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap sempena Majlis Pelancaran Program Jom Masuk U 2024 Zon Sabah, di sini, pada Sabtu. Majlis berkenaan dirasmikan oleh Timbalan Menteri



**RASMI:** Mustapha melakukan gimik perasmian program berkenaan sambil diiringi oleh Kasim (kanan) dan tetamu kehormat lain.

Pendidikan Tinggi Datuk Mustapha Sakmud.

Menurutnya, dalam mendepani arus teknologi yang semakin berkembang, UMS sedang mengkaji program-program baharu yang diperlukan di pasaran dan belum ditawarkan oleh universiti lain.

Katanya, UMS juga meneruskan Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (SULUNG) yang mana UMS termasuk dalam lapan UA menjadi perintis program ini pada tahun lalu.

"Pelaksanaan program Mekanisme Mod Kemasu-

kan Baharu bagi Isi Rumah B40 atau di UMS kita panggil 'Merobah Idea Menjadi Realiti' yang diadakan sejak tahun lalu akan diteruskan.

"Ia bagi memastikan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dan berkelayakan juga diberi peluang pendidikan yang sama dengan pelajar-pelajar lain," katanya.

Mengulas mengenai majlis ini, katanya, UMS sangat bersyukur kerana sekali lagi diberi kepercayaan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menganjurkan program berkenaan.

Katanya, program ini adalah 'signature' program KPT yang menjadi pusat sehenti kepada pelajar, ibu bapa, guru dan orang awam untuk mendapatkan maklumat tepat dan terkini daripada pihak IPT.

"Kira-kira 150 pemamer iaitu sebanyak 60 rruai pameron yang menyertai siri Jom Masuk U Zon Sabah pada kali ini.

"Ia melibatkan UA, politeknik dan Kolej Komuniti, Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) serta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang terpilih," katanya.